

KUALITI

JULAI - DISEMBER 2025

AUDIT PENSIJILAN SEMULA ISO 9001:2015

Skop Audit: Pengurusan Korporat Universiti Awam

MAJLIS KEMUNCAK BULAN INOVASI DAN KUALITI 2025

Ledakan Kreativiti

1ST VIRTUAL INTERNATIONAL CONFERENCE ON QUALITY AND INNOVATION IN HIGHER EDUCATION (ViQHE)

*Enhancing Quality and Innovation for a
Sustainable Higher Education Ecosystem*



eISSN 2976-2596



9772976259003

INSTITUT KUALITI DAN PENGEMBANGAN ILMU (InQKA)

BENGGKEL OPS! VERIKASI DATA iACCREDIT PERINGKAT FAKULTI DAN CAWANGAN

Disediakan oleh: Noor Azwani Asyikin Samad

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), UiTM telah berjaya menganjurkan Bengkel OPS! Verifikasi Data i-Accredit untuk peringkat Fakulti pada tarikh 25 – 27 Ogos 2025 dan peringkat cawangan pada 11 – 12 September 2025. Pelaksanaan bengkel di peringkat fakulti adalah secara fizikal bertempat di Bilik Seminar InQKA, Tingkat 5, Blok A, Kompleks Al-Farabi, UiTM Shah Alam. Manakala pelaksanaan bengkel di peringkat Cawangan adalah secara dalam talian melalui platform *Microsoft Teams*.

Tujuan pelaksanaan bengkel ini diadakan adalah sebagai sebahagian daripada persediaan penyediaan Laporan Dwitahunan Universiti Berstatus Swaakreditasi yang akan dikemukakan kepada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada Mac 2026.

Bengkel ini merupakan langkah penting dalam memastikan ketepatan dan keselarasan maklumat program antara pelbagai sistem utama, iaitu *Malaysian Qualifications Register (MQR)*, Portal Sementara Akreditasi (PSA), dan i-Accredit. Inisiatif ini juga merupakan sebahagian daripada pemantauan status swaakreditasi yang diwajibkan oleh MQA.

Bengkel ini berlangsung selama tiga hari diketuai oleh Profesor Madya Dr. Kamarularifin Abd. Jalil iaitu Pengarah Jaminan Kualiti Akademik (AQA). Manakala urusetia bengkel diketuai oleh Cik Noor Azwani Asyikin Samad, Penolong Pendaftar AQA dengan sokongan Pegawai Eksekutif dan staf InQKA.

Sebanyak 29 fakulti di UiTM Shah Alam dan 12 Kampus Cawangan telah terlibat dalam bengkel ini. Hasil verifikasi data i-Accredit menunjukkan majoriti fakulti berjaya mengemaskini data program masing-masing di dalam Sistem i-Accredit dengan status penghantaran yang positif.

Fakulti / Pusat Akademik /Hi Coe/Coe (25-27 Ogos 2025)


1. Fakulti Sains Gunaan
2. Fakulti Alam Bina
3. Fakulti Kejuruteraan Elektrik
4. Fakulti Kejuruteraan Awam
5. Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
6. Fakulti Perladangan & Agroteknologi
7. Fakulti Sains Sukan & Rekreasi
8. Fakulti Kejuruteraan Kimia
9. Arshad Ayub Graduate Business School
10. MITRANS
11. Fakulti Komunikasi & Pengajian Media
12. Fakulti Muzik
13. Fakulti Farmasi
14. Fakulti Perakaunan
15. Akademi Pengajian Bahasa
16. Fakulti Sains Kesihatan
17. Fakulti Sains Maklumat
18. Fakulti Seni Lukis & Seni Reka
19. Fakulti Perubatan
20. Fakulti Pendidikan
21. Akademi Pengajian Islam Kontemporari
22. Fakulti Undang-undang
23. Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi
24. Fakulti Filem, teater & Animasi
25. Fakulti Sains Komputer dan Matematik
26. Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan
27. Fakulti Pengurusan & Perniagaan
28. Fakulti Pergigian
29. Accounting Research Institute (ARI)

Cawangan	Tarikh
Kelantan	11 September 2025
Kedah	11 September 2025
Perlis	12 September 2025
Terengganu	12 September 2025
Sabah	11 September 2025
Sarawak	11 September 2025
Johor	11 September 2025
Melaka	11 September 2025
Pahang	12 September 2025
Pulau Pinang	12 September 2025
Perak	12 September 2025
Negeri Sembilan	12 September 2025



Secara keseluruhannya, siri bengkel ini telah berjaya mencapai matlamatnya sebagai platform penyelarasan data akademik UiTM. Kejayaan ini menjadi asas penting dalam memastikan Laporan Dwitahunan Universiti Berstatus Swaakreditasi disediakan dengan lengkap, tepat dan memenuhi kehendak pemantauan MQA.

Inisiatif ini turut menegaskan komitmen UiTM dalam mengekalkan budaya kualiti akademik, ketelusan data dan tadbir urus yang mantap selaras dengan status universiti swaakreditasi.



HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

2026 KUALITI

ALAMAT:

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Blok A, Kompleks Al-Farabi,
Universiti Teknologi MARA, Jalan Ilmu 1/1,
40450, Shah Alam, Selangor

e-ISSN: 2976-2596



UiTM *di hati*  لومها تقوى موليا